



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang undang-undang Perbekalan 2006 (Halaman 1)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2006 (Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) - MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) - UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) - UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

19. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

60. Yang Berhormat Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP

61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO

100. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Jumaat, 30 September 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua****4.00 ptg.**

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang Di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua.

Syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan kurnia-Nya, dapat saya sekali lagi membentangkan Bajet Negara bagi tahun 2006 di Dewan yang mulia ini. Bajet 2006 ini merupakan bajet tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Kesembilan dan fasa kedua Wawasan 2020. Kerajaan kini sedang merumus dan menentukan dasar dan strategi utama untuk memastikan matlamat Wawasan negara dicapai dengan jaya dan sepenuhnya. Insya-Allah, saya akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan ini pada awal tahun hadapan.

Bajet 2006 memberi tumpuan kepada beberapa langkah khusus untuk menjana pertumbuhan yang lebih berkualiti dalam tempoh terdekat yang boleh menyumbang kepada usaha menyediakan landasan yang lebih kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Bajet 2006 bertemakan 'Membina Ketahanan, Menghadapi Cabaran'. Bajet ini memberi penekanan kepada langkah mengukuhkan daya tahan dan keberkesanan negara, dalam menghadapi perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu berikutan daripada peningkatan mendadak harga minyak, kadar faedah yang kian meningkat serta persaingan global yang semakin sengit.

Kerajaan akan mengambil langkah proaktif, termasuk membangunkan infrastruktur fizikal, terutamanya di kawasan kurang maju. Di samping itu, tumpuan khusus akan diberi kepada pembangunan ekonomi luar bandar untuk memperbaiki kualiti hidup di kawasan luar bandar melalui penyediaan jalan yang mencukupi, bekalan air dan elektrik serta kemudahan persekolahan yang baik. Fokus juga diberi untuk membangunkan *soft infrastructure*, termasuk membangunkan keupayaan modal insan dan sistem pengurusan dan organisasi. Keperluan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mesra perniagaan bagi meningkatkan daya saing negara juga akan dititikberatkan di dalam Bajet ini. Insya-Allah, dengan langkah ini, kita yakin ekonomi negara akan kekal kukuh dan menjana pendapatan serta kekayaan untuk meningkatkan kesejahteraan semua rakyat dalam konteks membina sebuah negara yang aman, makmur dan bersatu padu.

Ekonomi negara terus kekal mantap dalam tempoh separuh tahun pertama tahun ini, walaupun perkembangan ekonomi global lebih sederhana serta peningkatan paras harga minyak antarabangsa begitu ketara. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 4.9 peratus pada separuh pertama 2005, didorong sebahagian besarnya oleh aktiviti sektor swasta. Penggunaan sektor swasta terus meningkat, di samping pelaburan swasta yang juga kekal kukuh, berikutan keyakinan

pelabur yang bertambah baik. Aliran masuk pelaburan asing kasar berjumlah 8 bilion ringgit pada separuh pertama tahun ini.

Kita sangat bertuah kerana dalam tempoh yang begitu singkat, iaitu tujuh tahun selepas krisis kewangan 1997, ekonomi negara telah pulih sepenuhnya dengan mencatat pertumbuhan yang lebih mapan. Pertumbuhan KDNK telah mencapai peningkatan purata sebanyak 5.4 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Pada tahun ini, kita menganggarkan pertumbuhan sebanyak 5 peratus, sungguhpun dalam persekitaran luar yang kurang menggalakkan.

Pencapaian pertumbuhan ekonomi ini telah diiringi oleh pengukuhan dalam imbalan pembayaran negara serta kadar inflasi yang terkawal dan guna tenaga penuh. Lebihan semasa imbalan pembayaran kekal tinggi, secara purata 12 peratus setahun daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam tempoh enam tahun, dan dijangka meningkat kepada 15.7 peratus tahun ini, berikutan peningkatan eksport yang ketara. Prestasi dan asas ekonomi yang kukuh ini juga membolehkan rakyat mengecapi manfaat dari peningkatan pendapatan dan kuasa beli yang lebih tinggi. Pendapatan per kapita dianggarkan meningkat kepada 17,741 ringgit pada tahun 2005 berbanding 16,616 ringgit pada tahun 2004. Dari segi kuasa beli pariti, ianya meningkat daripada 9,630 dolar Amerika Syarikat kepada 10,323 dolar dalam tempoh yang sama.

Prospek ekonomi luar negara dijangka menjadi lebih mencabar. Ini disebabkan lonjakan harga minyak yang dijangka kekal tinggi serta dasar monetari negara maju, terutamanya Amerika Syarikat, yang menunjukkan tren peningkatan kadar faedah. Sudah tentunya perkembangan global ini akan mempunyai kesan terhadap ekonomi negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan percaya, dengan langkah khusus yang diumumkan dalam Bajet ini, prospek pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus kukuh pada kadar 5.5 peratus dalam tahun 2006.

Pembangunan negara bukan hanya merupakan tanggungjawab Kerajaan. Setiap rakyat mempunyai peranan dalam menyokong usaha memajukan negara. Pembangunan pesat yang dicapai selama ini telah memberi banyak faedah kepada semua pihak. Namun, dalam tahun-tahun yang seterusnya, kita hanya akan berjaya dalam persekitaran yang mencabar sekiranya rakyat bersedia membuat perubahan gaya hidup, berjimat cermat serta berusaha dengan tekun demi meninggikan produktiviti, kecekapan dan daya saing, serta meningkatkan kemampuan inovasi dan daya kreatif.

STRATEGI BAJET 2006

Strategi Bajet 2006 akan ditumpukan kepada:

- (i) Melaksanakan langkah proaktif Kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi;
- (ii) Menyediakan persekitaran mesra perniagaan;
- (iii) Membangunkan modal insan; dan
- (iv) Meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

MELAKSANAKAN LANGKAH PROAKTIF KERAJAAN KE ARAH MEMESATKAN KEGIATAN EKONOMI

Alhamdulillah, matlamat Kerajaan untuk terus mengurangkan defisit bajet telah pun dicapai. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan telah dikurangkan daripada 5.6 peratus daripada KDNK pada tahun 2002 kepada 3.8 peratus yang dianggarkan pada tahun ini. Lebih penting lagi, pengurangan defisit ini telah dicapai tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Bagi tahun 2006, defisit fiskal akan dikurangkan kepada 3.5 peratus. Pada tahap defisit yang rendah ini, Kerajaan mempunyai lebih ruang untuk memberi tumpuan kepada usaha pembangunan demi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi.

Dengan itu, saya mencadangkan sebanyak 136.8 bilion ringgit diperuntukkan bagi Bajet 2006, iaitu meningkat sebanyak 5 peratus berbanding dengan peruntukan tahun 2005. Daripada jumlah ini, sebanyak 101.3 bilion ringgit adalah bagi Peruntukan

Mengurus. Sebanyak 35.5 bilion ringgit disediakan bagi Peruntukan Pembangunan, iaitu 13 peratus lebih tinggi dari peruntukan tahun ini.

Di bawah Peruntukan Mengurus, sebanyak 55 bilion ringgit atau 54.3 peratus adalah bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, 23.6 bilion ringgit untuk Emolumen, 20.6 bilion ringgit bagi Perkhidmatan dan Bekalan, 1.6 bilion ringgit untuk Pembelian Aset dan 500 juta ringgit untuk perbelanjaan lain.

Bagi Peruntukan Pembangunan, bahagian terbesar sebanyak 14.4 bilion ringgit ialah untuk sektor ekonomi yang terdiri daripada sektor pertanian, perindustrian dan infrastruktur. Sebanyak 9.9 bilion ringgit diperuntukkan kepada sektor sosial iaitu pendidikan, kesihatan dan perumahan. Sektor keselamatan menerima 5.6 bilion ringgit sementara pentadbiran 3.6 bilion ringgit.

Memesatkan Pembangunan Luar Bandar

Kerajaan berhasrat untuk membawa pembangunan yang seimbang dan komprehensif kepada rakyat di seluruh negara. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memperbaiki lagi ekonomi dan infrastruktur di luar bandar, peruntukan sebanyak 5.7 bilion ringgit akan disediakan. Sebahagian besar daripada peruntukan ini, iaitu 2.7 bilion ringgit adalah untuk pelaksanaan projek pertanian, khususnya aktiviti menambah nilai yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada petani. Kerajaan juga bercadang memperuntukkan 1.2 bilion ringgit bagi program pelajaran, 581 juta ringgit bagi membina dan menaik taraf jalan serta 299 juta ringgit bagi menyediakan bekalan air dan elektrik.

Kerajaan prihatin terhadap keluhan orang ramai mengenai kemudahan infrastruktur asas yang tidak mencukupi dan kurang sempurna, terutamanya di kawasan luar bandar. Malahan, saya rasa sedih dengan peristiwa kemalangan maut yang dilaporkan melibatkan murid sekolah semasa menyeberangi jambatan usang. Pada saya, peristiwa sebegini tidak harus berlaku di sebuah negara yang memiliki infrastruktur kelas pertama.

Saya menggesa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan Pegawai Pembangunan Negeri serta Pegawai Daerah untuk mengenal pasti dan menyediakan senarai projek infrastruktur asas, seperti jambatan kecil, yang diperlukan segera di setiap kawasan Parlimen. Senarai ini hendaklah dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, sebelum akhir bulan November ini untuk dilaksanakan. Untuk memastikan projek ini disiapkan segera, kontraktor tempatan di kawasan masing-masing, terutamanya kontraktor kecil Bumiputera, akan dilantik untuk melaksanakannya.

Mengoptimumkan Penggunaan Infrastruktur Sedia Ada

Negara telah mencapai tahap pembangunan yang tinggi, terutamanya dalam pembangunan infrastruktur fizikal. Kita mempunyai banyak kemudahan infrastruktur moden, termasuk jaringan lebuh raya, lapangan terbang antarabangsa serta pelabuhan bertaraf dunia. Sementara pembangunan infrastruktur fizikal diteruskan, kita perlu juga memberi tumpuan kepada usaha mengoptimumkan penggunaan kemudahan tersebut. Oleh itu, Kerajaan akan memberi penekanan kepada pembangunan *soft infrastructure*, termasuk membangun dan meningkatkan keupayaan modal insan, sistem pengurusan dan organisasi, dan menyemai budaya penyelenggaraan.

Budaya penyelenggaraan ini harus dipupuk dengan lebih tekun. Selain peruntukan kepada agensi Kerajaan untuk program penyelenggaraan berjumlah 4.3 bilion ringgit, Kerajaan akan menyediakan peruntukan khas yang merupakan tambahan sebanyak 1 bilion ringgit untuk program penyelenggaraan kemudahan awam pada tahun hadapan. Bagi tahun 2005, Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas berjumlah 500 juta ringgit yang membolehkan hampir 9 ribu projek penyelenggaraan dilaksanakan oleh kontraktor kelas F, selain peruntukan kepada agensi Kerajaan berjumlah 4.1 bilion ringgit.

Usaha menambah baik modal insan akan dipergiatkan melalui pelajaran dan latihan supaya rakyat lebih cemerlang dalam penguasaan ilmu dan kemahiran, terutamanya penguasaan sains dan teknologi. Bagi tujuan ini, sebanyak 29 bilion ringgit atau satu perlima daripada peruntukan Bajet 2006 disediakan untuk memberi

pendidikan dan latihan kepada 5.7 juta pelajar. Daripada jumlah ini, 24 bilion ringgit adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan baki 5 bilion ringgit untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Memperbaiki Lagi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

Perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam menyokong dan membantu inisiatif sektor swasta melalui penyediaan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan mesra pelanggan. Satu aspek yang sering menyebabkan kelewatan dalam melaksanakan projek ialah lewatnya pengeluaran sub-waran oleh Kementerian kepada agensi di bawahnya. Kelewatan pengeluaran sebegini mesti dielakkan. Sehubungan ini, semua Kementerian dikehendaki mengeluarkan sub-waran yang memberi kuasa berbelanja kepada agensi pelaksana di bawah bidang kuasa mereka selewat-lewatnya sebelum penghujung bulan Mac setiap tahun. Jemaah Menteri akan memantau perkara ini dengan rapi.

Penguatkuasaan sistem penyampaian perkhidmatan awam akan terus menjadi agenda utama. Selain meningkatkan keupayaan, proses kerja juga akan ditambah baik. Kapasiti pasukan *flying squad* di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan diperkukuhkan lagi dengan menambah sebanyak 600 anggota. Tumpuan akan diberi kepada urusan kutipan hasil, tukar syarat tanah, pecah sempadan dan pecah bahagian. Proses hak milik strata akan dipermudahkan, antaranya bersandarkan kepada pengeluaran Sijil Penyiapan (*Certificate of Completion*).

Sebanyak 334 jawatan akan diwujudkan untuk menjayakan kerja di semua Pusat Sehenti PBT bagi mempercepatkan urusan pemprosesan lesen dan permit serta pembayaran cukai taksiran dan denda. Kapasiti Perbadanan Harta Intelek Malaysia akan ditingkatkan bagi mempercepatkan kelulusan permohonan pendaftaran pensijilan paten dan cop dagang.

Malaysia berhasrat untuk menjadi hub serantau, terutamanya untuk sektor perkhidmatan dan membangunkan lagi industri berasaskan pengetahuan. Oleh itu, adalah penting prosedur pemberian visa kepada pekerja berpengetahuan dan golongan peniaga asing dipermudahkan. Ke arah ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang mengambil langkah untuk mempermudah dan mempercepatkan pemberian visa, terutamanya bagi pekerja berpengetahuan dan profesional dalam bidang ICT, perkhidmatan kewangan dan industri berteknologi tinggi. Selain itu, Unit Jawatankuasa Pegawai Dagang dan Unit Naziran di Jabatan Imigresen akan diperkukuhkan.

Unit Pelancongan Kesihatan akan ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kualiti bekalan perkhidmatan kesihatan bagi menarik lebih ramai warga asing mendapat khidmat kesihatan swasta di Malaysia. Selain itu, fokus akan diberi kepada usaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa dan mempromosi hospital swasta tempatan.

Selaras dengan usaha memperkukuhkan sistem penyampaian, badan berkanun bersumber kewangan sendiri akan dibenar menentukan skim perkhidmatan mereka. Fleksibiliti ini membolehkan badan berkanun berkenaan merancang dan mengurus tenaga kerjanya serta menambah produktiviti organisasi. Badan berkanun yang telah dikenal pasti adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, SOCSO dan Bank Simpanan Nasional. Sementara itu, Kumpulan Wang Amanah Pencen juga akan dijadikan badan berkanun dan diberi fleksibiliti yang sama.

Penggunaan ICT dalam urusan orang awam dengan agensi Kerajaan akan ditingkatkan. Untuk ini, urusan *e-Payment* menggunakan kad kredit di kaunter dan secara *online* akan dilaksanakan di Jabatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen dan KWSP serta hospital. Langkah ini akan mempercepat dan memudahkan bayaran dan penerimaan serta menggalakkan lagi penggunaan *e-Payment* ke seluruh negara.

Sistem perolehan Kerajaan akan diperbaiki dengan memperkenalkan kaedah baru dalam usaha mengurangkan kos, menjadi lebih telus dan memastikan nilai berpatutan (*value for money*). Ke arah ini, satu sistem *e-Bidding* atau *reverse auction* sedang dalam percubaan di beberapa agensi supaya kaedah baru ini boleh dilaksanakan di sektor awam dan beberapa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

MENYEDIAKAN PERSEKITARAN MESRA PERNIAGAAN

Sektor swasta memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Untuk terus menyokong peranan sektor swasta, Kerajaan akan memastikan pelaksanaan dasar dan langkah mesra perniagaan serta penyediaan persekitaran yang lebih kondusif.

Mengurangkan Kos Kendalian Perniagaan

Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk mengurangkan lagi kos kendalian perniagaan bagi membolehkan syarikat berdaya maju dan berdaya saing, terutamanya di pasaran serantau dan antarabangsa. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah cukai dan bukan cukai sejak beberapa tahun yang lalu. Kerajaan komited untuk terus menambah dan memperbaiki lagi insentif yang diberikan untuk meningkatkan daya saing negara.

Sektor korporat negara kini mempunyai banyak kumpulan syarikat dengan anak syarikat masing-masing. Kerajaan sedar bahawa untuk menceburi projek berisiko tinggi memerlukan suntikan modal yang besar dan terdapat juga kemungkinan kerugian dalam tahun-tahun awal operasi. Potensi kerugian sedemikian boleh menjejaskan hasrat syarikat mengambil inisiatif pelaburan seperti ini, walaupun dalam jangka panjang pelaburan seumpama ini berfaedah kepada ekonomi. Oleh itu, Kerajaan bercadang memberi *group relief* kepada syarikat yang merupakan sebahagian daripada suatu kumpulan, dengan milikan minimum antara mereka sebanyak 70 peratus. *Group relief* ini membenarkan 50 peratus daripada kerugian tahun semasa suatu syarikat ditolak daripada keuntungan suatu syarikat lain dalam kumpulan yang sama. Selain mengurangkan kos menjalankan perniagaan, langkah ini juga akan meningkatkan daya saing negara dan menggalakkan lebih banyak pelaburan.

Galakan Taraf Perintis telah diberikan kepada banyak syarikat, termasuk multinasional, untuk menarik pelabur ke negara ini. Sektor utama yang telah diberi galakan ini, selain Koridor Raya Multimedia (MSC), termasuk sektor pembuatan dan pelancongan. Untuk meningkatkan lagi keberkesanan insentif ini, Kerajaan bercadang supaya kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap dalam tempoh perintis dibenar dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan *post pioneer*.

Sungguhpun banyak kawasan di Koridor Timur telah dibangunkan, masih terdapat lagi beberapa kawasan di Koridor tersebut yang masih belum dibangunkan sepenuhnya. Oleh itu, untuk menarik lebih banyak pelaburan di Koridor Timur, termasuk Sabah dan Sarawak, galakan cukai sedia ada bagi projek yang ditempatkan di Koridor tersebut dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun lagi, sehingga 31 Disember 2010.

Seterusnya, Kerajaan mencadangkan langkah cukai berikut untuk membantu mengurangkan lagi kos kendalian perniagaan:

- (i) pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia diberi layanan cukai sebagai pendapatan perniagaan dan oleh itu perbelanjaan syarikat tersebut tidak lagi dihadkan bagi tujuan potongan cukai. Walau bagaimanapun, kerugian dan elaun modal yang tidak diserap tidak dibenarkan dibawa ke hadapan;
- (ii) memandangkan pentingnya pematuhan urus tadbir korporat, yuran juruaudit dibenarkan sebagai potongan cukai;
- (iii) memandangkan hasil dan keuntungan tertakluk kepada ketidakpastian disebabkan persekitaran perniagaan yang berbeza, Kerajaan bersetuju memberi fleksibiliti yang lebih dalam membuat anggaran cukai. Pada masa ini, syarikat dikehendaki mengemukakan anggaran cukai tahun semasa yang tidak kurang daripada anggaran disemak tahun sebelumnya. Dengan fleksibiliti ini, syarikat akan dibenar membuat anggaran cukai pada tahap tidak kurang 85

peratus daripada anggaran cukai tahun sebelumnya berbanding dengan 100 peratus pada masa ini.

- (iv) memudahkan penyediaan akaun bagi aset bernilai kecil. Pada masa ini, elaun modal ke atas aset hanya boleh dituntut dalam tempoh masa tertentu. Dengan langkah ini, syarikat dibenar menuntut elaun modal sepenuhnya dalam tahun perolehan bagi sejumlah aset bernilai tidak melebihi 10 ribu ringgit. Walau bagaimanapun, bagi tujuan ini, nilai setiap aset tidak melebihi satu ribu ringgit; dan
- (v) bagi menggalakkan syarikat pembangunan hartanah membina rumah kos rendah, anggaran kerugian daripada projek rumah kos rendah dibenarkan ditolak daripada anggaran keuntungan dari projek pembangunan hartanah yang lain bagi tujuan perkiraan cukai.

Memantapkan Pasaran Modal

Pasaran modal negara telah berkembang pesat dan telah memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan yang lebih rendah kos kepada sektor korporat. Ini telah dapat mengurangkan pergantungan sektor korporat kepada sumber kewangan daripada bank komersial untuk membiayai pelaburan. Kini, sektor korporat telah memperolehi manfaat daripada sumber pembiayaan modal melalui penerbitan ekuiti dan bon. Berikutan itu, saiz pasaran bon negara telah meningkat hampir tiga kali ganda daripada 137 bilion ringgit pada tahun 1997 kepada 363 bilion ringgit pada tahun 2004. Bon korporat merupakan 51 peratus daripada jumlah ini. Di samping itu, ekuiti yang telah diterbitkan berjumlah 66 bilion ringgit dalam tempoh yang sama. Perkembangan pesat dalam pasaran bon dan ekuiti ini telah merancakkan pasaran modal negara yang akan membantu dan memudahkan lagi sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan mengiktiraf keperluan meningkatkan lagi kualiti syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Dalam konteks ini, Kerajaan ingin menggalakkan percantuman dan pengambilalihan atau *merger and acquisition*, dengan tujuan membolehkan syarikat memperluaskan operasi mereka, menambah kecairan, meningkatkan asas modal dan mencapai ekonomi bidangan yang lebih baik. Saya mencadangkan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah diberikan ke atas percantuman dan pengambilalihan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Pengecualian ini akan diberi bagi percantuman dan pengambilalihan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) mulai 1 Oktober 2005 sehingga 31 Disember 2007.

Selain ini, Kerajaan juga bercadang untuk membatalkan seksyen 132G dalam Akta Syarikat 1965 untuk memudah dan memberi lebih fleksibiliti bagi syarikat untuk melaksanakan percantuman dan pengambilalihan, serta untuk menstruktur semula perniagaan mereka. Seksyen 132G yang telah diperkenalkan pada tahun 1992, bertujuan menghindar *asset shuffling* di mana pemegang saham syarikat tersenarai menyuntik aset yang baru diambil alih ke dalam syarikat tersenarai pada nilai yang terlalu tinggi, yang sudah tentunya merugikan pemegang saham minoriti.

Walaupun bagaimanapun, semenjak penubuhan SC pada tahun 1993, beberapa langkah kawal selia telah digubal untuk menghindar *asset shuffling*. Ini termasuk memastikan nilai adil bagi aset dan imbalan urus niaga. Pada masa yang sama, beberapa peraturan berkenaan urus niaga pihak berkaitan yang memerlukan kelulusan pemegang saham, serta pengamalan Kod Urus Tadbir Korporat telah pun dilaksanakan. Oleh itu, Seksyen 132G tidak lagi diperlukan bagi tujuan melindungi kepentingan minoriti.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, SC telah mengambil banyak langkah untuk melicinkan dan mempercepatkan proses kelulusan untuk cadangan korporat. Untuk mempermudah dan mempercepatkan lagi proses kelulusan cadangan korporat, semua prospektus yang diterima oleh SC bermula 3 Oktober 2005 akan dikaji secara pasca penelitan (*post-vetting*). Ini akan membolehkan syarikat mengeluarkan prospektus dalam tempoh dua minggu setelah diserahkan kepada SC. Walau bagaimanapun, SC akan memastikan syarikat dan penasihat mereka menjalankan ketekunan wajar (*due diligence*) dan memberi maklumat yang tepat dalam prospektus.

Di samping itu, untuk mengurangkan tempoh penyempurnaan, syarikat yang terlibat dalam pengambilalihan perlu mengeluarkan dokumen tawaran yang mengandungi syarat terperinci dalam tempoh 21 hari dari tarikh pemberitahuan pengambilalihan berbanding 35 hari pada masa ini.

Untuk mengimbangi kelonggaran yang diberikan ini, keupayaan dan keberkesanan penguatkuasaan SC akan dipertingkatkan untuk menangani dan menghindar salah laku korporat. Bagi tujuan ini, SC akan terus menguatkuasakan undang-undang demi memelihara keyakinan pelabur dalam pasaran modal. Kesalahan di bawah undang-undang sedia ada, termasuk Akta Syarikat dan Kanun Keseksaan, berikutan penyasatan SC, akan didakwa di mahkamah.

Untuk menyediakan barisan pengurus dan pengarah syarikat yang berkemahiran dan berwibawa, terutamanya untuk GLC, Akademi Kepimpinan Pengurusan dan Pengarah (*Management Leadership and Directors Academy*) akan ditubuhkan sebagai pusat kecemerlangan kepimpinan. Akademi ini bertujuan melahirkan pengarah dan pengurusan kanan yang kompeten dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkesan. Akademi ini akan bekerjasama dengan institusi pengurusan bertaraf dunia.

Penerbitan Amanah Pelaburan Hartanah atau REITs adalah satu kaedah yang boleh meningkatkan kecairan syarikat hartanah yang mempunyai aset tetap yang besar. Ia juga dapat menyumbang kepada usaha mempelbagaikan produk bagi pelabur. Bagi menggalakkan lebih banyak REITs, Kerajaan bercadang membenarkan potongan cukai ke atas perbelanjaan berkaitan bayaran guaman, penilaian dan perundingan.

Kerajaan ingin menggalakkan lagi pembangunan pasaran bon korporat. Kerajaan mencadangkan supaya syarikat korporat yang menerbitkan bon dibenarkan potongan cukai ke atas perbelanjaan diskaun secara terakru, iaitu sepanjang tempoh hingga tarikh matang bon tersebut. Pada masa ini, potongan cukai hanya dibenarkan apabila bon matang.

Membangunkan Sumber Pertumbuhan Baru

Untuk memantap dan mempelbagaikan lagi sumber pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha bagi menggalakkan sektor swasta menerokai bidang baru yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan kelebihan daya saing. Ini termasuk pertanian berkaedah termoden, bioteknologi, nanoteknologi, sektor pembuatan berteknologi tinggi serta bidang perkhidmatan, khususnya ICT, pendidikan dan pelancongan.

Memodenkan Sektor Pertanian

Sebagaimana yang sering saya tekankan, sektor pertanian perlu menjadi lebih dinamik. Satu cara untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan meningkatkan produktiviti serta daya saing melalui kegiatan menambah nilai dan menggunakan teknologi moden. Bagi tujuan ini, sektor pertanian akan diperuntukkan sejumlah 2.8 bilion ringgit bagi Perbelanjaan Pembangunan, terutamanya bagi pembangunan pertanian, penternakan, perikanan dan perhutanan. Untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program pertanian, Jabatan Pertanian akan disusun semula dan diberi penambahan 255 jawatan baru. Di samping itu, Pejabat Konsular Pertanian akan dibuka di luar negara untuk mempromosikan produk pertanian Malaysia.

Kita mempunyai potensi untuk membangunkan industri halal yang berdaya maju dan kompetitif di peringkat global. Dalam hal ini, institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan institusi pengajian tinggi perlu meneroka dan memajukan secara agresif R&D berkaitan produk halal serta mewujudkan usaha sama dengan institusi penyelidikan luar negara. Makmal keselamatan dan kualiti makanan di Kementerian Kesihatan akan disusun semula dan diperkukuhkan supaya dapat memberi khidmat ujian yang lebih berkesan kepada pengeksport.

Kerajaan akan juga mengutamakan peningkatan produktiviti dan kualiti untuk memastikan bekalan makanan terjamin dan meningkatkan eksport makanan. Tabung

Makanan (3F) akan ditambah sebanyak 300 juta ringgit lagi supaya pembiayaan yang mencukupi disediakan bagi industri pengeluaran makanan. Sebahagian besar dana Tabung ini akan terus diberikan kepada kegiatan pengkomersialan keluaran makanan, termasuk pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran.

Kerajaan akan terus memoden dan mempelbagaikan aktiviti perikanan supaya dapat meningkatkan pendapatan nelayan dan pengusaha akuakultur. Peruntukan sebanyak 160 juta ringgit disediakan bagi program pembangunan perikanan, termasuk meningkatkan kemudahan perkhidmatan pengembangan, penyelidikan dan latihan, ternakan ikan dalam sangkar, penetasan benih ikan, ikan laut dalam dan ikan hiasan.

Penanaman semula hutan adalah penting untuk memastikan sumber perhutanan negara kekal mapan. Kerajaan akan menubuhkan sebuah syarikat baru dengan modal permulaan sebanyak 200 juta ringgit untuk melaksanakan aktiviti perladangan hutan secara komersial. Ini adalah selaras dengan strategi Kerajaan untuk menghasilkan sumber kayu-kayan secara mapan.

Kerajaan akan terus menggalakkan GLC, terutamanya yang terlibat dalam sektor perladangan, untuk menjadi pemangkin mengkomersialkan sektor pertanian negara termasuk aktiviti pekebun kecil. Keutamaan akan diberi kepada projek yang dilaksanakan untuk menjana ekonomi bidangan, meninggikan daya saing dan membangun teknologi baru. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak 400 juta ringgit lagi bagi membiayai projek pertanian oleh GLC.

Khazanah Nasional akan menubuhkan Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional dengan modal 500 juta ringgit untuk menjadi pusat kecemerlangan pengurusan rantaian bekalan pertanian. Fungsi syarikat ini termasuklah sebagai agen memadan dan mengurus pengeluaran, pemprosesan, pemasaran, pengagihan dan logistik berkaitan. Tumpuan akan diberi kepada aktiviti pengkomersialan, penjenamaan, R&D, penetapan piawaian pengeluaran dan logistik serta penubuhan perladangan berteknologi tinggi. Kemudahan yang akan disediakan adalah Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan serta rangkaian bilik sejuk.

Dalam pada itu, koperasi memainkan peranan penting untuk membangunkan pengusaha kecil. Kerajaan telah melancarkan Dasar Koperasi Negara untuk memacu pembangunan sektor ini. Seterusnya, langkah untuk memperkasakan lagi gerakan koperasi akan digubal dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Membangunkan Sektor Bioteknologi

Kerajaan telah melancarkan Dasar Bioteknologi Negara pada April 2005 bagi menggariskan strategi dan langkah bagi memajukan bioteknologi di dalam negara. Bidang bioteknologi yang dipilih sebagai bidang strategik, termasuk bioteknologi pertanian, bioteknologi kesihatan dan bioteknologi industri. Untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta, pelbagai insentif fiskal telah disediakan.

Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Bioteknologi Malaysia bagi memacu pembangunan bioteknologi secara bersepadu dan melaksanakan Dasar Bioteknologi Negara. Perbadanan ini telah berjaya menganjurkan mesyuarat meja bulat bioteknologi 2005 di Amerika Syarikat baru-baru ini, yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan turut dihadiri oleh tokoh saintis, akademik, usahawan dan pelabur modal teroka di peringkat antarabangsa. Mesyuarat tersebut telah mengutarakan pelbagai idea, pandangan dan saranan dalam usaha kita memajukan lagi teknologi kritikal ini.

Kerajaan komited untuk membangunkan bioteknologi negara dan sedang merangka pelbagai rancangan yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Pelbagai projek akan dibangunkan, termasuk memperkukuhkan keupayaan institusi negara seperti MARDI, MPOB dan Institut Penyelidikan Perubatan, serta melancarkan pusat kecemerlangan bioteknologi di dalam bidang pertanian, kesihatan dan genomik. Dalam pada itu, *Bioproducts Validation Centre* dengan nilai 30 juta ringgit akan dilancarkan di Johor Bahru. Kerajaan juga akan menubuhkan sebuah dana khas, *Malaysian Life Sciences Capital Fund*, di bawah pengurusan Malaysian Technology Development Corporation, untuk melabur dalam projek bioteknologi. Dana tersebut akan mengumpul pelaburan daripada pelbagai institusi seperti GLC. Untuk melancarkan Dana tersebut, Kerajaan akan menyumbang 100 juta ringgit. Selain itu, Perbadanan Bioteknologi Malaysia akan bekerja sama dengan pelbagai agensi dan kementerian untuk menarik

lagi pelaburan dan usaha sama di kalangan syarikat bioteknologi, sama ada dari dalam mahupun dari luar negara.

Memperhebatkan Sektor ICT

MSC telah dibangunkan untuk menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan harta intelek. Kita perlu menggunakan sepenuhnya kelebihan MSC yang telah dapat menarik industri *outsourcing* dan *shared services*. Untuk memajukan lagi potensi pembangunan Cyberjaya, yang merupakan komponen penting MSC, langkah berikut akan dilaksanakan:

- (i) garis panduan pembangunan Cyberjaya, termasuk *plot ratio*, akan dipinda untuk memudahkan pembinaan lebih banyak rumah yang mampu dimiliki;
- (ii) kemudahan pengangkutan awam juga akan dipertingkatkan, terutamanya perkhidmatan bas bagi memenuhi keperluan syarikat *shared services* dan *outsourcing* yang beroperasi 24 jam;
- (iii) Kerajaan akan menggalakkan pembinaan bangunan untuk menyediakan lebih banyak ruang pejabat bagi syarikat berstatus MSC di Cyberjaya. Untuk ini, Kerajaan mencadangkan Elaun Bangunan Industri (IBA) bagi tempoh sepuluh tahun diberikan kepada pemilik bangunan baru yang diduduki oleh syarikat bertaraf MSC di Cyberjaya; dan
- (iv) satu Institut Pembangunan ICT akan ditubuhkan untuk menambahkan lagi bekalan pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*) dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan oleh industri ICT, terutamanya syarikat *shared services* dan *outsourcing*.

Pada masa ini, syarikat multimedia yang beroperasi di luar Cybercities, iaitu di luar Cyberjaya, Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Technology Park, Bayan Lepas dan Kulim Hitech Park tidak layak mendapat galakan cukai yang diberikan kepada syarikat bertaraf MSC. Untuk menggalakkan lagi aktiviti ICT dan multimedia, termasuk *Regional Shared Service Centres* di seluruh negara, Kerajaan mencadangkan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan 50 peratus selama 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 50 peratus diberikan kepada syarikat terpilih yang menempatkan aktiviti mereka di luar *Cybercities*. Galakan ini tertakluk kepada perakuan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Kerajaan berhasrat menggalakkan syarikat ICT Malaysia berkembang dan menembusi pasaran global. MDC akan bekerjasama dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Khazanah untuk mengenal pasti dan memadamkan syarikat bertaraf MSC yang berwibawa dengan yang bersesuaian bagi menguji produk mereka. GLC ini seterusnya akan menjadi pusat rujukan (*reference site*) untuk mempamerkan prestasi produk syarikat berstatus MSC ini ketika memasarkan produk berkenaan kepada pelanggan di peringkat global.

Menggalakkan Penyelidikan Dan Pembangunan

Pembangunan sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan terus digalakkan bagi menjana sumber pertumbuhan baru. Peruntukan sebanyak 868 juta ringgit disediakan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Skim Geran R&D akan memberi tumpuan kepada bioteknologi, *advanced manufacturing*, *advanced materials*, ICT, nanoteknologi dan sumber tenaga alternatif, termasuk solar, bagi menggalakkan inovasi di kalangan syarikat tempatan dan ciptaan produk baru.

Memperkukuhkan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Saya telah mengumumkan penubuhan SME Bank pada awal tahun ini. Berikutan ini, peranan dan fungsi Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad

(BITMB) dan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Berhad (BPIMB) telah pun diselaraskan. Hasilnya, dua buah bank berasingan telah diwujudkan dalam satu kumpulan. Pertama, Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) yang menjadi syarikat induk, dengan fokus pembiayaan kepada industri intensif modal dan teknologi tinggi, maritim dan infrastruktur. Kedua, SME Bank telah ditubuhkan dan akan mula beroperasi pada 3 Oktober tahun ini.

Untuk membiayai perkembangan aktiviti Kumpulan BPMB, termasuk SME Bank, sebanyak 9 bilion ringgit akan diperolehi daripada pasaran modal. Sebahagian dari pinjaman ini akan digunakan untuk meningkatkan modal berbayar SME Bank kepada satu bilion ringgit.

SME Bank akan membantu menyediakan kemudahan kewangan dan khidmat nasihat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), di samping meningkatkan tahap saingan syarikat tempatan di pasaran dalam dan luar negara.

SME Bank juga akan menubuhkan dana modal teroka berjumlah satu bilion ringgit untuk membiayai PKS yang mempunyai rancangan dan berupaya meningkatkan perkembangan perniagaan. PKS yang menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dan mempunyai lebih daya saing akan diberi suntikan modal.

Berikutan pelarasan fungsi BITMB dan BPIMB, Export Import Bank Malaysia (EXIM Bank) yang menyerap fungsi Malaysia Export Credit Insurance Berhad, akan diperkukuhkan dan skopnya diperluaskan. EXIM Bank, yang akan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan, akan memainkan peranan yang lebih penting untuk membantu dan menggalakkan pengusaha tempatan, terutamanya Bumiputera, untuk meneroka pasaran global. Kemudahan pembiayaan yang akan disediakan termasuklah pembiayaan perdagangan, pembiayaan projek luar negara dan jaminan kredit insurans. Bagi tujuan ini, dana sebanyak satu bilion ringgit akan diwujudkan.

Untuk mengurangkan lagi kos pembiayaan pinjaman kepada PKS, Kerajaan mencadangkan PKS diberi pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus ke atas surat cara pinjaman yang bernilai tidak melebihi satu juta ringgit.

PROSPER telah memainkan peranan penting dalam membangunkan syarikat PKS Bumiputera yang berdaya maju dalam sektor peruncitan. PROSPER telah meluluskan 770 permohonan melibatkan hampir 1,600 usahawan Bumiputera. Dalam tahun 2006, sebanyak 250 permohonan baru dijangka diluluskan. Selain itu, untuk meningkatkan bilangan PKS Bumiputera yang berdaya maju dalam industri yang strategik, skop PROSPER diperluaskan untuk merangkumi kegiatan secara pukal atau *wholesale*. Pembangunan usahawan Bumiputera dalam perniagaan pukal akan memudahkan kontraktor kecil Bumiputera mendapat bekalan dengan kos yang lebih rendah, terutamanya dalam industri binaan.

Meningkatkan Penyertaan Bumiputera dalam Sektor Hartanah

Usaha untuk meningkatkan kekayaan Bumiputera dan penglibatan mereka dalam sektor korporat sehingga kini, lebih tertumpu kepada pegangan ekuiti, terutamanya dalam syarikat tersenarai. Walau bagaimanapun, langkah ini sahaja tidak memadai untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam kekayaan ekonomi negara. Adalah penting juga usaha diambil untuk meningkatkan hak milik hartanah Bumiputera, termasuk hartanah komersial. Pelaburan dalam hartanah, khususnya yang terletak di kawasan komersial utama, memerlukan jumlah pelaburan modal yang besar. Oleh itu, untuk mempertingkatkan lagi pegangan harta Bumiputera, satu mekanisme baru perlu diperkenalkan untuk membantu pemilikan hartanah Bumiputera, terutamanya hartanah komersial. Oleh itu, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera akan ditubuhkan dengan modal sebanyak 2 bilion ringgit sebagai dana untuk membeli hartanah komersial, khususnya di kawasan bandar utama. Tujuan penubuhan Yayasan ini adalah untuk meningkatkan pemilikan hartanah komersial oleh Bumiputera dan menyediakan lebih banyak ruang perniagaan yang strategik bagi usahawan Bumiputera. Yayasan ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Maklumat terperinci mengenai hartanah Bumiputera akan diumumkan oleh Kementerian Kewangan dalam tempoh terdekat.

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

Pembangunan sumber manusia perlu digilap kerana ianya elemen terpenting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan, serta bertunjangkan sains dan teknologi. Oleh itu, kualiti pendidikan akan diutamakan supaya warga Malaysia dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni untuk menjadi tenaga kerja yang menghayati budaya kerja berprestasi tinggi. Pendidikan berkualiti akan juga memastikan mereka kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa dan dengan itu, mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat. Sejumlah 5 bilion ringgit diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan pelajaran dan latihan, termasuk 1.3 bilion ringgit untuk pendidikan pra-sekolah, sekolah rendah, menengah dan matrikulasi, manakala 1.4 bilion ringgit untuk pendidikan tinggi, 1.1 bilion ringgit untuk latihan serta 1.2 bilion ringgit untuk ICT, pembangunan kurikulum, asrama dan rumah guru.

Tumpuan akan diberikan kepada latihan kemahiran dan kepakaran teknikal. Peruntukan sebanyak 493 juta ringgit disediakan bagi menampung enrolmen pelajar sekolah teknikal, vokasional dan latihan kemahiran yang akan ditingkatkan daripada 72 ribu pelajar pada tahun ini kepada 98 ribu pelajar pada tahun 2006. Selain itu, peruntukan sebanyak hampir satu bilion ringgit disediakan bagi latihan perdagangan dan industri yang dilaksanakan di Institut Kemahiran MARA, Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi.

Bagi memaksimumkan penggunaan pusat latihan, program dua syif yang telah diperkenalkan dalam tahun 2005 akan diperluaskan lagi. Peruntukan sebanyak 63 juta ringgit disediakan bagi membolehkan 47 pusat latihan sedia ada menyertai program ini, yang akan dapat menampung pertambahan seramai 9,300 pelatih. Program Pembangunan Kemahiran Teknikal yang dilaksanakan oleh Pusat Latihan Kemahiran di peringkat negeri dan Institut Kemahiran MARA akan ditingkatkan dengan peruntukan 175 juta ringgit untuk melatih 12 ribu pelajar. Enrolmen pelajar politeknik akan ditingkatkan daripada 78 ribu pelajar pada tahun ini kepada 80 ribu pelajar pada tahun 2006. Ini akan membolehkan lebih ramai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia berpeluang memperolehi latihan kemahiran.

Pada masa ini, Kerajaan memberi pelepasan cukai sehingga 4 ribu ringgit bagi setiap anak yang belajar di institusi pengajian tempatan berdasarkan perbelanjaan sebenar. Kerajaan mencadangkan pelepasan cukai 4 ribu ringgit ini diberi secara automatik. Di samping itu, Kerajaan juga mencadangkan skop pelepasan cukai ini diperluaskan untuk:

- (i) anak yang belajar di institusi pengajian tinggi di luar negara yang diiktiraf; dan
- (ii) anak kurang upaya yang belajar di institusi pengajian tinggi. Dengan mengambil kira pelepasan sedia ada sebanyak 5 ribu ringgit untuk anak kurang upaya, ibu bapa akan layak mendapat pelepasan cukai berjumlah 9 ribu ringgit.

Untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, skop pengajian yang layak mendapat pelepasan cukai sebanyak 5 ribu ringgit bagi pembayar cukai individu akan diperluaskan. Kini, pengajian tertiary dalam bidang teknikal, vokasional, industri, kemahiran sains dan teknologi diberi pelepasan cukai. Pelepasan ini akan diperluaskan kepada pengajian profesional dan dalam bidang perakaunan dan undang-undang.

Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) memainkan peranan penting dalam memberi peluang kepada lebih banyak pelajar untuk mengikuti pelajaran tinggi. Ia juga menyumbang kepada hasrat negara untuk menjadi hub pendidikan di rantau ini. Sehingga akhir 2004, terdapat hampir 6 ribu pelajar asing di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 26 ribu pelajar asing di IPTS. Bagi meningkatkan lagi bilangan pelajar asing, Kementerian Pengajian Tinggi akan menubuhkan sebuah unit bagi membantu IPTS mendapat akreditasi dan pengiktirafan luar negara.

Bagi menggalakkan IPTS menambah kursus baru, adalah dicadangkan perbelanjaan IPTS bagi membangun dan mematuhi keperluan peraturan dalam memperkenalkan kursus baru diberikan potongan cukai untuk dituntut dalam tempoh 3 tahun. Di samping itu, untuk meningkatkan jumlah saintis tempatan, Kerajaan

mencadangkan IPTS yang membuat pengkhususan dalam bidang sains diberi Insentif Elaun Cukai Pelaburan 100 peratus selama 10 tahun.

Untuk membantu siswazah menganggur menyertai aktiviti ekonomi, Kerajaan akan melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- (i) Skim Usahawan Muda dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam bidang ICT, pelancongan, produk halal serta pemprosesan dan pembungkusan makanan;
- (ii) Pusat Latihan Kemahiran Negeri menambah pengambilan pelatih dan memperkenalkan kursus baru di bawah Program Peningkatan Kemahiran Perindustrian. Sebanyak 100 juta ringgit diperuntukkan untuk melatih 4,800 pelatih; dan
- (iii) Program PROSPER Siswazah akan dilaksanakan untuk menggalakkan siswazah menceburi bidang keusahawanan. Sebagai permulaan, seramai 200 graduan akan dibantu memulakan perniagaan pada tahun 2006, dengan pembiayaan sehingga 50 ribu ringgit setiap usahawan.

Bagi menggalakkan syarikat swasta memberi peluang pekerjaan kepada siswazah menganggur, syarikat tersenarai yang membayar elaun kepada peserta di bawah program Latihan Graduan Menganggur diberi potongan cukai dua kali bagi tempoh 3 tahun. Program tersebut perlu diiktiraf oleh SC. Di bawah program ini, sekurang-kurangnya seribu siswazah menganggur dijangka akan dilatih oleh syarikat tersenarai dalam kumpulan PNB dan Khazanah.

Kerajaan mengiktiraf perlunya meningkatkan martabat profesion keguruan. Langkah telah diambil untuk memantapkan pemilihan bakal guru dan latihan serta menambah baik karier keguruan dan persekitaran kerja. Untuk memantapkan lagi langkah yang diambil, Kerajaan bercadang supaya maktab perguruan dinaikkan tarafnya kepada Institut Pendidikan Guru. Kerajaan akan meningkatkan tahap latihan dan kurikulum, termasuk menarik kerjasama dan kepakaran institusi asing. Saya yakin, dengan langkah ini, Institut Pendidikan Guru akan melahirkan guru siswazah yang benar-benar memahami keperluan dan cabaran di sekolah. Selain itu, sasaran untuk mengisi sekolah menengah dengan 100 peratus guru siswazah dan sekolah rendah dengan 50 peratus guru siswazah menjelang tahun 2010 akan dapat dicapai.

MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN DAN KUALITI HIDUP RAKYAT

Meringankan Beban Kewangan Rakyat

Sejak pertengahan tahun 2004, harga minyak mentah telah meningkat secara mendadak di pasaran dunia. Harga antarabangsa telah mencecah 71 dolar Amerika Syarikat setong pada 29 Ogos 2005 berbanding 37 dolar Amerika Syarikat setong pada bulan Jun 2004, berikutan permintaan yang semakin meningkat, terutamanya daripada negara China, India dan Amerika Syarikat. Di samping itu, kebimbangan mengenai bekalan, ketegangan geopolitik di beberapa negara pengeluar utama dan cuaca buruk di Teluk Mexico turut menyebabkan peningkatan harga.

Kerajaan amat prihatin terhadap kesan lonjakan harga minyak mentah antarabangsa ke atas harga domestik. Kerajaan terus memberi pengecualian cukai jualan dan subsidi ke atas minyak petrol, diesel dan gas memasak untuk mengurangkan beban rakyat. Tanpa pengecualian cukai dan subsidi, harga minyak petrol tempatan akan melonjak sehingga 2 ringgit 80 sen seliter, diesel 2 ringgit 15 sen seliter dan gas memasak 2 ringgit 50 sen sekilogram. Harga ini adalah hampir 70 peratus lebih tinggi daripada harga runcit semasa. Kerajaan kehilangan hasil cukai dan menanggung subsidi berjumlah 16 bilion ringgit pada tahun ini. Tahap ini adalah lebih tiga kali ganda daripada 6.6 bilion ringgit pada tahun 2003 dan hampir satu setengah kali ganda daripada jumlah 11.9 bilion ringgit pada tahun 2004.

Selain pemberian subsidi harga petroleum oleh Kerajaan, Petronas juga memberi subsidi harga gas bagi penajaan elektrik berjumlah 9 bilion ringgit. Oleh itu,

jumlah subsidi Kerajaan pada tahun ini adalah sebanyak 25 bilion ringgit atau seribu ringgit bagi setiap warga Malaysia.

Adalah jelas Kerajaan telah melindungi pengguna daripada peningkatan tinggi harga petroleum. Bagi tempoh 2 tahun, iaitu 2004 dan 2005, Kerajaan telah menanggung bebanan sebanyak 80 peratus daripada kenaikan harga yang berlaku, berjumlah 15 bilion ringgit, melalui kehilangan hasil cukai dan pemberian subsidi.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan beban kewangan yang ditanggung oleh rakyat dapat diringankan, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Pada 7 September lalu, saya telah mengumumkan bahawa Kerajaan tidak akan menaikkan harga petrol, diesel dan gas memasak dalam tahun 2005, tidak menaikkan bayaran tol sehingga penghujung 2006 dan mengurangkan cukai jalan berkuat kuasa 12 September 2005.

Cukai jalan ke atas kenderaan diesel adalah lebih tinggi daripada petrol, kecuali di Sarawak. Berkuat kuasa 12 September 2005, cukai jalan bagi kenderaan komersil, yang kebanyakannya adalah kenderaan diesel, serta kenderaan persendirian berkapasiti 1,600 cc dan ke bawah, telah pun dikurangkan. Sebagai tambahan, saya mencadangkan supaya cukai jalan ke atas kenderaan diesel persendirian yang melebihi 1,600 cc dikurangkan sebanyak 40 peratus, kecuali bagi Sarawak, berkuat kuasa 5 Oktober 2005.

Saya juga telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menambah bantuan kepada golongan kurang bernasib baik. Sehubungan ini, saya ingin mengumumkan bahawa kadar bantuan untuk warga tua daif akan dinaikkan daripada 135 ringgit sebulan kepada 200 ringgit sebulan. Kadar bantuan kanak-kanak yatim dan miskin akan ditingkatkan daripada 80 ringgit sebulan bagi seorang kanak-kanak kepada 100 ringgit sebulan. Bantuan maksimum sekeluarga dinaikkan daripada 350 ringgit sebulan kepada 450 ringgit sebulan.

Membasmi Kemiskinan

Kerajaan komited untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, dan memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan lagi taraf dan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah. Ini termasuk program kemudahan perumahan kos rendah, kesihatan, pendidikan dan infrastruktur serta juga program khusus bagi mereka yang kurang upaya dan kurang bernasib baik. Peruntukan sebanyak 700 juta ringgit akan digunakan untuk tujuan berikut:

- (i) Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, latihan dan bimbingan usahawan, pemasaran dan promosi serta khidmat sokongan perniagaan untuk membantu meningkatkan pendapatan rakyat luar bandar, termasuk golongan termiskin;
- (ii) Program Bantuan Rumah untuk menyedia dan membaik pulih 4 ribu buah rumah kepada rakyat termiskin di luar bandar;
- (iii) Menambah baik Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) KEMAS;
- (iv) menaik taraf dan ubahsuai sekolah luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak;
- (v) membekalkan elektrik kepada hampir 550 buah sekolah dan air kepada 260 buah sekolah. Apabila projek ini siap, kita akan mencapai liputan sepenuhnya bekalan elektrik dan air kepada semua sekolah; dan
- (vi) program meningkatkan taraf hidup Orang Asli dengan peruntukan sebanyak 104 juta ringgit.

Dalam usaha meningkatkan kebajikan kanak-kanak di luar bandar melalui penyediaan makanan yang berkhasiat dan seimbang, bantuan kepada TABIKA di bawah KEMAS akan dinaikkan daripada 60 sen kepada satu ringgit lima puluh sen sehari bagi setiap murid. Selain itu, sebanyak 10 juta ringgit disediakan untuk Program Tambahan Makanan Seimbang yang akan dapat memanfaatkan 20 ribu isi rumah

misikin tegar di luar bandar. Kerajaan juga akan meneruskan usaha menambah kemudahan membaca bagi murid-murid sekolah di luar bandar. Program Khas Perpustakaan Desa yang telah diperuntukkan sebanyak 30 juta ringgit bagi penyediaan 200 perpustakaan pada tahun 2005, akan ditambah 85 juta ringgit untuk membina 400 perpustakaan desa dan tambahan bahan bacaan dalam tahun 2006.

Rumah Selesa Keluarga Bahagia

Kerajaan akan terus meningkatkan usaha penyediaan rumah kepada golongan berpendapatan rendah. Untuk tujuan ini, sebanyak 2.1 bilion ringgit akan disediakan. Dapada jumlah ini, satu bilion ringgit ialah bagi menyediakan 21,600 unit rumah kos rendah, yang meliputi program Perumahan Rakyat Dimiliki, Program Perumahan Rakyat Disewa serta Program Perumahan Rakyat Bersepadu.

Kerajaan akan menyediakan lebih banyak kuarters untuk guru dan anggota beruniform, seperti tentera, polis, bomba dan kastam. Sebanyak 1.1 bilion ringgit akan diperuntukkan bagi penyediaan 26 ribu unit kuarters dalam tahun 2006. Selain itu, Kerajaan akan melaksanakan projek kuarters PDRM yang mempunyai 3 bilik di seluruh negara bernilai 2.5 bilion ringgit. Projek ini akan dibiayai mengikut kaedah *build-lease-transfer*. Pembinaan akan dilaksanakan oleh kontraktor Bumiputera, khususnya kontraktor kecil setempat.

Usaha menggalakkan penggunaan *Industrialised Building System* (IBS) akan diteruskan supaya objektif mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja kurang mahir serta pekerja asing dapat dicapai. Dalam Bajet ini, saya mencadangkan perbelanjaan modal ke atas pembelian acuan untuk pengeluar komponen IBS diberi elaun modal dipercepatkan untuk dituntut dalam tempoh 3 tahun. Langkah ini akan dapat mengurangkan kos komponen binaan seperti tiang, rasuk, dinding dan lantai. Kerajaan akan memastikan komponen IBS yang digunakan mematuhi Piawaian Malaysia MS 1064. Penggunaan piawaian ini akan memastikan kualiti dan mengawal kos pembinaan.

Menerap Nilai Murni Kekeluargaan

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan diperuntukkan sebanyak 488 juta ringgit untuk meneruskan usaha membantu kaum wanita, institusi kekeluargaan, orang kurang upaya, warga emas dan ibu tunggal.

Pada masa ini, pilihan tuntutan pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah ke atas sebuah rumah diberikan kepada suami, walaupun rumah tersebut dimiliki oleh isteri. Bagi memastikan layanan cukai yang lebih saksama, Kerajaan mencadangkan pilihan tuntutan pengecualian cukai ini diberi kepada pemilik rumah, sama ada suami atau isteri. Berbanding hanya satu tuntutan yang dibenarkan dibuat oleh pasangan suami isteri pada masa ini, Kerajaan mencadangkan untuk membenarkan suami dan isteri masing-masing menuntut pengecualian cukai ini sekali dalam seumur hidup.

Memartabatkan Kebudayaan Warisan Bangsa -

Kerajaan menyedari pentingnya mengekalkan warisan seni dan budaya memandangkan negara mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, tradisi dan adat istiadat. Bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia melibatkan diri dalam usaha penghasilan seni, Kerajaan mencadangkan:

- (i) pengecualian cukai ke atas royalti atau bayaran daripada penerbitan hasil karya seni atau rakaman disk dan pita dinaikkan daripada 6 ribu ringgit setahun kepada 10 ribu ringgit setahun;
- (ii) pengecualian duti import dan cukai jualan diperluaskan kepada peralatan yang digunakan dalam industri seni persembahan; dan
- (iii) pendapatan yang diterima oleh tenaga pakar bukan pemastautin yang melatih rakyat Malaysia dalam seni persembahan dan penghasilan kraf serta bidang teknikal

yang berkaitan dengannya, dikecualikan daripada cukai pegangan.

Skim Perantisan Warisan di bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia akan dipertingkatkan supaya lebih ramai generasi muda menjadi perantis kepada pengamal sesuatu kepakaran dalam kebudayaan dan kesenian, termasuk ukiran dan tenunan. Di samping itu, program Tunas Mekar yang menggandingkan mereka yang telah mempunyai pengetahuan dan pelajaran dalam bidang pengurusan, akaun dan perniagaan dengan pengamal kraf berkepakaran dan PKS akan dipertingkatkan. Gandingan tersebut dapat melahirkan produk yang menepati cita rasa sezaman, menyuntik teknologi dan memodenkan industri kecil dan sederhana serta meningkatkan kebolehpasaran produk.

Menggalakkan Gaya Hidup Sihat

Menggalakkan gaya hidup sihat akan terus menjadi fokus penting Kerajaan. Bagi tahun 2006, peruntukan pembangunan bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak 1.3 bilion ringgit, yang antara lain meliputi 85 juta ringgit bagi menyiapkan pembinaan hospital di Alor Setar dan Cameron Highlands dan 229 juta ringgit bagi pembinaan dan naik taraf klinik di seluruh negara. Selain itu, makmal dan peralatan di hospital akan dipertingkatkan dengan peruntukan sebanyak 131 juta ringgit.

Untuk mendorong rakyat mengamalkan gaya hidup sihat, Kerajaan mencadangkan supaya cukai ke atas minuman keras dan rokok dinaikkan. Pada keseluruhannya, purata kenaikan cukai bagi minuman keras adalah sebanyak 9 peratus manakala bagi rokok adalah sebanyak 13 peratus.

Bagi membendung masalah sosial seperti penagihan dadah, AIDS dan jenayah, PEMADAM akan mengkaji semula kaedah pemulihan penagih dan memperkemaskan program di pusat pemulihan. Kempen yang lebih agresif akan dijalankan oleh kerajaan negeri, badan bukan Kerajaan (NGO) dan individu bagi memerangi penyalahgunaan dadah.

Bagi meneruskan program pencegahan, rawatan dan pemulihan serta pengurusan 29 pusat serenti, sebanyak 207 juta ringgit diperuntukkan bagi Agensi Antidadah Kebangsaan.

Jumlah kes positif HIV/AIDS telah meningkat kepada 65 ribu orang pada tahun ini. Untuk mengatasi masalah ini, satu panel penasihat akan ditubuhkan di Kementerian Kesihatan dengan anggota daripada NGO, termasuk Majlis AIDS Malaysia dan PENGASIH dan agensi Kerajaan. Panel ini akan, antara lain, membantu menggubal pelan tindakan bersepadu bagi menangani HIV/AIDS, termasuk menjalankan lebih banyak program kesedaran dan pencegahan serta menyediakan program bagi pesakit HIV/AIDS.

Untuk memastikan golongan muda mengisi masa lapang dengan lebih produktif, lebih banyak aktiviti pembangunan komuniti akan diadakan, termasuk menghidupkan semula Rukun Tetangga di semua kawasan perumahan bagi membendung jenayah. Di samping itu, peruntukan sebanyak 101 juta ringgit disediakan untuk program Rakan Muda dan 600 juta ringgit untuk program Latihan Khidmat Negara. Seramai 95 ribu remaja pelbagai kaum akan dilatih dalam program Khidmat Negara bagi tahun 2006 berbanding 65 ribu dalam tahun ini.

Kerajaan menghargai sumbangan NGO yang menjalankan banyak aktiviti untuk menjayakan dasar dan program Kerajaan. Untuk membantu meneruskan kegiatan mereka, Kerajaan memperuntukkan sebanyak 138 juta ringgit, termasuk bagi badan kebajikan warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya serta persatuan sukan dan belia.

Meningkatkan Kualiti Alam Sekitar

Pembangunan fizikal negara akan diseimbangkan dengan pemeliharaan alam sekitar supaya pembangunan mapan dapat dipertahankan. Sebanyak 1.9 bilion ringgit diperuntukkan untuk melaksanakan projek pemuliharaan alam sekitar. Untuk memelihara pantai daripada hakisan teruk, sebanyak 40 juta ringgit telah disediakan, manakala 370 juta ringgit lagi untuk perparitan dan tebatan banjir di seluruh negara dan

114 juta ringgit untuk memperbaiki sungai dan kualiti sungai. Sebanyak 991 juta ringgit pula disediakan bagi pembaikan loji pembetungan sedia ada dan pembinaan pembetungan baru. Program pengurusan sisa pepejal pula, diperuntukkan 363 juta ringgit.

Memperbaiki Pengangkutan Awam di Lembah Kelang

Untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, Kerajaan telah mengambil langkah untuk meningkatkan kecukupan pengangkutan awam di Lembah Kelang. Bagi tujuan ini, RAPID KL telah mula beroperasi pada akhir tahun 2004. Kini, langkah sedang diambil untuk memperolehi lebih banyak bas baru untuk menggantikan bas yang lama. Sebanyak 250 bas baru akan dapat beroperasi pada penghujung tahun ini. Program penggantian bas yang ada akan diteruskan dengan tambahan sebanyak 600 bas lagi pada tahun 2006, termasuk bas yang menggunakan bahan api gas asli (NGV). Sementara itu, 120 buah bas sedia ada akan dibaik pulih.

Di samping itu, *Touch n Go* yang kini boleh digunakan di semua pengangkutan rel akan diperluaskan kepada perkhidmatan bas. Untuk menambah baik sistem tiket, Kerajaan akan melaksanakan sistem satu tiket bersepadu yang boleh digunakan di semua jenis pengangkutan awam di Lembah Kelang. Sistem tiket yang akan diperkenalkan ini akan memudahkan dan menjimatkan para pengguna.

Untuk memperluaskan sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang, kajian sedang dijalankan untuk mengenal pasti laluan rel baru di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Di samping itu, sebanyak 10 laluan baru bagi perjalanan bas telah pun dilaksanakan. Rangkaian bas dan rel akan diintegrasikan supaya penggunaannya lebih efisien serta rendah kos bagi pengguna.

Mempelbagaikan Sumber Tenaga

Memandangkan sumber minyak mentah akan pupus suatu hari nanti, kita perlu memberi tumpuan kepada langkah mengurangkan pergantungan negara kepada minyak, terutamanya dengan membangunkan sumber tenaga alternatif, seperti gas asli, biodiesel dan solar. Usaha ini juga akan menambah baik usaha pemeliharaan alam sekitar di negara kita.

Malaysia mempunyai simpanan gas sebanyak 85 trilion kaki padu. Penggunaan sumber tenaga yang mesra alam ini mestilah digalakkan. Untuk memudahkan pengguna kenderaan menggunakan gas, pembinaan stesyen gas runcit yang kini berjumlah 51 buah, akan ditambah dua kali ganda menjelang 2007. Untuk menggalakkan penggunaan gas oleh lori dan bas, adalah dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas chasis dengan enjin *monogas* serta *conversion kits*. Selain itu, geran sebanyak 50 ribu ringgit akan diberi bagi setiap bas monogas yang diperolehi bagi tempoh sehingga akhir 2008. Galakan cukai akan diberi untuk pembangunan rangkaian retikulasi gas.

Biofuel berasaskan minyak sawit dapat mengurangkan pergantungan negara kepada petroleum dan mempunyai potensi tinggi untuk dieksport. Kerajaan kini sedang merangka dasar bagi menggalakkan pengeluaran dan penggunaan biofuel secara meluas. Dasar tersebut juga bertujuan untuk menggalakkan usaha pengkomersilan teknologi biofuel hasil penyelidikan tempatan. Sebagai permulaan kepada dasar biofuel tersebut, Kerajaan akan menetapkan adunan biofuel pada tahap 5 peratus minyak sawit diproses dan 95 peratus minyak diesel untuk digunakan secara percubaan. Piawaian 'diesel baru' ini akan dibangunkan oleh SIRIM. Kerajaan bersama sektor swasta akan mendirikan 3 loji komersial biodiesel minyak sawit dengan jumlah kapasiti 180 ribu tan terutamanya untuk eksport. Sebelum akhir tahun, Kerajaan akan merangka Dasar Biofuel Nasional, yang akan meliputi penggubalan akta industri biofuel negara serta pewujudan pelbagai insentif bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta. Akta biofuel ini akan dibentangkan di Parlimen tahun hadapan.

Pada masa ini, syarikat yang menjana tenaga dengan menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan mesra alam seperti biomass, kuasa hidro yang tidak melebihi 10 megawatt dan kuasa solar layak mendapat galakan. Kerajaan mencadangkan supaya galakan semasa untuk penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui ditambah baik dengan meningkatkan kadar pengecualian cukai

pendapatan di bawah Taraf Perintis daripada 70 peratus kepada 100 peratus selama 10 tahun dan kadar Elaun Cukai Pelaburan daripada 60 peratus kepada 100 peratus selama 5 tahun. Tempoh permohonan bagi galakan ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2010. Di samping itu, pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan dalam aktiviti berkenaan yang akan tamat 31 Disember 2005 juga dilanjutkan sehingga 31 Disember 2010.

Meningkatkan Kecekapan Penggunaan Tenaga

Kenaikan harga minyak mentah akan menyebabkan subsidi terhadap petroleum dan sumber tenaga lain seperti elektrik meningkat. Adalah penting untuk setiap individu berjimat cermat dalam menggunakan sumber tenaga. Sektor swasta juga tidak boleh bergantung kepada subsidi untuk kekal kompetitif, sebaliknya perlu lebih cekap dan bijak dalam menggunakan sumber tenaga, termasuk dalam proses pengeluaran. Dengan itu, langkah akan diambil untuk menggalakkan pengguna lebih cekap dan bijak dalam menggunakan tenaga serta mengelakkan pembaziran. Walau bagaimanapun, Kerajaan komited untuk memastikan bahawa pengguna berpendapatan rendah tidak akan menanggung beban.

Kerajaan akan menerajui usaha menjimatkan tenaga. Saya percaya masih ada banyak ruang untuk kita menjimatkan penggunaan tenaga. Semua agensi kerajaan diberi sasaran untuk mencapai 10 peratus penjimatan penggunaan tenaga pada tahun 2006. Amalan seperti membiarkan alat penghawa dingin berada pada suhu terlalu rendah atau membiarkan lampu terpasang apabila tiada orang di pejabat merupakan pembaziran semata-mata.

Selain penjimatan penggunaan tenaga, Kerajaan bercadang untuk terus menggalakkan pelaburan di dalam peralatan yang rendah penggunaan tenaganya. Kerajaan mencadangkan agar insentif yang diberikan kepada syarikat yang menawarkan perkhidmatan penjimatan tenaga, dilanjutkan tempohnya untuk lima tahun lagi sehingga tahun 2010. Selain itu, Kerajaan juga bercadang untuk memberikan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60 peratus kepada modal yang dibelanjakan bagi tujuan meningkatkan penjimatan tenaga, kepada pemilik bangunan. Di samping itu, garis panduan pembinaan bangunan perlu dikemas kini agar dapat menekankan aspek kecekapan penggunaan tenaga di bangunan baru.

Pembangunan Wilayah

Dalam konteks pembangunan seimbang, saya ingin menyentuh mengenai pembangunan Sabah dan Sarawak. Kerajaan akan terus melaksanakan langkah khusus di kedua-dua negeri ini untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam serta pelbagai program bagi menjana pendapatan. Sabah telah diperuntukkan sebanyak 2.3 bilion ringgit dalam Bajet 2006 bagi pembinaan jalan, penyediaan bekalan air dan elektrik serta projek pendidikan dan kesihatan. Projek utama termasuk pembinaan jalan dari Sapulut ke Kalabakan dan Sipitang ke Tenom dan menaik taraf lapangan terbang Kota Kinabalu serta pembesaran Universiti Malaysia Sabah dan Hospital Queen Elizabeth.

Di Sarawak pula, sebanyak 2 bilion ringgit diperuntukkan bagi Bajet 2006. Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah pembinaan jalan Serdeng ke Bawang Assam, pembesaran Lapangan Terbang Kuching, pembangunan Pusat Pentadbiran Persekutuan Sarawak dan pembesaran Universiti Malaysia Sarawak. Selain itu, 112 juta ringgit disediakan bagi projek bekalan air dan elektrik serta pembinaan jalan di kawasan luar bandar. Jumlah peruntukan 2 bilion ringgit tersebut tidak termasuk projek pembangunan hidroelektrik Bakun yang akan melibatkan kos sebanyak 6.1 bilion ringgit bagi tempoh 2006 hingga 2009.

Memperkuhkan Pasukan Polis

Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM telah diumumkan pada 16 Mei 2005. Laporan tersebut, antara lain, mengiktiraf keperluan meningkatkan keupayaan pasukan polis dalam konteks mengekalkan kedaulatan undang-undang dan keamanan. Kerajaan telah mula melaksanakan pelbagai perakuan Laporan ini, termasuk pembinaan lebih banyak balai polis dan

kuarters serta penyediaan alat kelengkapan. Sehubungan dengan itu, sebanyak 3.5 bilion ringgit disediakan untuk Perbelanjaan Mengurus PDRM dan 493 juta ringgit untuk Perbelanjaan Pembangunan. Ini merupakan tambahan kepada 2.5 bilion ringgit yang disediakan bagi pembinaan kuarters melalui kaedah *Build-Lease-Transfer*.

Laporan tersebut juga memperakukan penambahbaikan beberapa elaun, yang sebahagiannya telahpun dilaksanakan, termasuk bayaran insentif detektif, elaun pakaian seragam pegawai kanan dan tuntutan bayaran balik bil telefon bimbit. Sebagai tambahan, saya ingin mengumumkan beberapa pemberian elaun berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006, seperti berikut:

- (i) membayar balik upah jahit pakaian seragam bagi anggota polis pangkat rendah sehingga 100 ringgit sepasang untuk 3 pasang setahun;
- (ii) menaikkan bayaran insentif pemusnah bom dari 50 ringgit satu operasi kepada 100 ringgit satu operasi; dan
- (iii) memanjangkan bayaran insentif menyelam yang kini dinikmati oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Perikanan dan Pusat Sains Negara kepada Anggota PDRM serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kadar bayaran insentif akan dinaikkan dari 50 ringgit sebulan kepada 100 ringgit sebulan bagi penyelam dan dari 150 ringgit kepada 250 ringgit sebulan bagi penyelam ranjau.

Menyediakan Bantuan Kos Sara Hidup Kakitangan Perkhidmatan Awam

Memandangkan kos sara hidup yang meningkat, Kerajaan akan memberi bantuan sara hidup kepada anggota perkhidmatan awam dalam Gred 1 hingga Gred 54, kecuali mereka yang mendiami kuarters atau yang menerima elaun wilayah, seperti berikut:

- i. 150 ringgit sebulan bagi mereka yang berkhidmat di Kuala Lumpur, Putrajaya, Ampang Jaya, Kajang, Kelang, Selayang, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya, Johor Bahru, Georgetown dan Butterworth;
- ii. 100 ringgit sebulan bagi mereka yang berkhidmat di 26 bandar lain; dan
- iii. 50 ringgit sebulan bagi mereka yang bertugas di kawasan lain.

Pelaksanaan bantuan ini akan bermula 1 Januari 2006. Di samping pemberian bantuan di atas, beberapa elaun sedia ada juga diperbaiki dan diperluaskan lagi, seperti berikut:

- i. Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) diselaraskan. Dengan itu, ITKA gred 41 dan 42 serta pensyarah gred 45 ditetapkan pada 300 ringgit sebulan;
- ii. elaun penyelia Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dinaikkan daripada 500 ringgit sebulan kepada 750 ringgit sebulan;
- iii. elaun guru KAFA ditetapkan sebanyak 500 ringgit sebulan. Sebelum ini, elaun maksimum bagi Semenanjung Malaysia ialah 288 ringgit sebulan dan bagi Sabah dan Sarawak, 336 ringgit sebulan;
- iv. bayaran insentif merawat pesakit tibi dan kusta sebanyak 60 ringgit sebulan akan dipanjangkan kepada juruteknologi makmal dan perubatan, pembantu makmal perubatan dan atendan kesihatan yang bertugas di makmal Pusat Tibi Negara dan makmal Pusat Kusta Negara; dan
- v. bayaran insentif 100 ringgit kepada petugas di bilik mayat yang telah diberi kepada atendan kesihatan akan

dipanjangkan kepada petugas pembantu perubatan dan pembantu atendan kesihatan yang bekerja di bilik mayat.

Sebagai menghargai sumbangan anggota perkhidmatan awam dalam mencapai matlamat negara, Kerajaan akan memberi bonus bagi tahun 2005. Untuk anggota yang berpendapatan sehingga seribu ringgit sebulan, mereka akan diberi bonus bersamaan satu setengah bulan gaji. Anggota yang berpendapatan melebihi seribu ringgit sebulan, bonus bersamaan satu bulan gaji akan dibayar tertakluk kepada bonus minimum seribu lima ratus ringgit. Bagi membantu lagi anggota Kerajaan menampung perbelanjaan tambahan menjelang hari-hari perayaan pada penghujung tahun ini, serta perbelanjaan untuk anak-anak mula bersekolah pada awal tahun hadapan, bonus ini akan dibayar dalam dua bayaran, iaitu pada bulan Oktober dan November 2005. Di samping itu, pesara Kerajaan akan diberi bayaran khas sebanyak 200 ringgit dalam bulan Oktober 2005.

Saya tidak mahu peniaga mengambil kesempatan daripada pembayaran bonus dan kenaikan elaun anggota perkhidmatan awam dengan menaikkan harga untuk mengaut keuntungan berlebihan. Sebenarnya, peniaga dan pembekal boleh mendapat hasil jualan dan keuntungan yang lebih banyak walaupun harga tidak dinaikkan. Ini kerana anggota perkhidmatan awam telah dapat meningkatkan kemampuan mereka untuk membeli. Dengan itu, permintaan bagi barangan dan perkhidmatan akan bertambah dan pertambahan ini akan menguntungkan semua peniaga, pembekal dan juga pengilang. Oleh itu, jadilah peniaga, pembekal dan pengilang yang jujur dan bertanggungjawab.

Kerajaan akan mengambil langkah tambahan untuk mengawal kenaikan harga barangan keperluan semasa musim perayaan, iaitu dari bulan Oktober 2005 hingga Februari 2006. Maklumat lanjut mengenai perkara ini akan diumumkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Keupayaan penguatkuasaan pemantauan harga akan dipertingkatkan lagi dengan penambahan seramai 745 anggota. Kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan, termasuk membatalkan lesen. Tindakan penguatkuasaan antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, PBT, Kastam, PDRM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan dilaksanakan secara bersepadu, termasuk mengadakan operasi bersama. Orang ramai juga perlu bekerjasama, memainkan peranan yang lebih aktif dengan membuat aduan kepada pihak berkuasa agar aktiviti mengaut keuntungan secara berlebihan ini dapat dihentikan. Kerajaan tetap terus berazam untuk menyediakan persekitaran ekonomi yang stabil, terutama dalam konteks melindungi rakyat daripada ketidaktentuan harga barang keperluan dalam jangka pendek dan menyediakan bantuan serta sokongan kepada golongan berpendapatan rendah.

Aktiviti penyeludupan telah mengakibatkan kebocoran diesel bersubsidi, kepada pihak yang tidak sepatutnya menerima dan juga ke negara jiran. Kerajaan akan memperketatkan langkah penguatkuasaan dan mengambil tindakan tegas ke atas penyeludup. Pemberian diesel bersubsidi akan dikawal dengan lebih teliti dan ditumpukan kepada kumpulan sasaran.

Negara tidak dapat mengelak sepenuhnya daripada menghadapi kesan negatif perkembangan ekonomi global. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah untuk mengurangkan kesannya ke atas ekonomi negara. Namun, sebarang penyesuaian yang perlu dilakukan harus dipikul bersama oleh Kerajaan dan rakyat. Dalam konteks ini, kenaikan harga minyak dan barangan lain, misalnya, memerlukan semua rakyat membuat penyesuaian dan pengorbanan. Ini termasuk perubahan dalam corak perbelanjaan. Sebenarnya, ada hikmah di sebalik kenaikan harga minyak. Kita perlu mengambil iktibar daripada kenaikan harga minyak ini yang tinggi untuk mempelbagaikan sumber tenaga, meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan produktiviti serta menambah daya inovasi dan kreativiti.

Semua pihak - individu, keluarga, peniaga dan pengusaha - perlu mengamalkan sikap berjimat cermat. Sikap boros dan membazir perlu dikikis. Hasil dan pendapatan harus ditambah dan dipelbagaikan. Ilmu pengetahuan harus digunakan untuk menambah nilai pada diri dan pekerjaan supaya kerja lebih efektif dan menjimatkan, cekap dan meningkat maju. Kecergasan jasmani, rohani dan emosi perlu dipelihara, kerana antara lain, ianya dapat menjimatkan perbelanjaan untuk ubat dan rawatan. Jika semua ini dijadikan amalan, maka kita akan menjadi bangsa yang berjaya, berdaya tahan dan menang menghadapi cabaran.

Bersyukur kita sekali lagi kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat-Nya ekonomi negara terus kukuh dan dapat kita kekalkan kestabilan serta mengeratkan keharmonian dan perpaduan rakyat. Pencapaian ini adalah hasil usaha gigih semua rakyat yang telah memberikan sokongan padu kepada Kerajaan untuk melaksanakan dasar dan strategi membina negara dengan jayanya. Asas ekonomi yang kukuh akan membolehkan negara melangkah ke hadapan memasuki fasa kedua Wawasan 2020 dengan penuh keyakinan. Marilah kita bersama berikrar untuk melipatgandakan usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Ketika melangkah ke hadapan, kita sememangnya akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara. Dalam konteks persekitaran antarabangsa yang pantas berubah, kita tidak boleh leka dan senang berpuas hati. Sesungguhnya, kita mesti bertekad dan bersemangat cecal untuk terus menguruskan kejayaan yang telah kita kecapai dan sentiasa bercita-cita untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Kepada Mu Ya Allah kami berdoa semoga diberi taufik dan hidayah, serta mendapat nikmat dan perlindungan dari Mu jua. Assalamualaikum, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGARAN PEMBANGUNAN 2006

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 43 (Kumpulan Wang Pembangunan 1966) membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada 35,502,044,600 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006 dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (P) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 2005 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan dan diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis.”

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), Perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006, hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadangkan dan disokong.

Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 3 Oktober 2005 [*Tepuk*].

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang